



30 SEP, 2023

## 20 syarikat teratas Bursa Malaysia derma RM129.25j



Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# 20 syarikat teratas Bursa Malaysia derma RM129.25j

**KUALA LUMPUR** - Sebanyak 20 syarikat teratas Bursa Malaysia mendermakan RM129.25 juta secara tunai pada 2022, menurut laporan Wiki Impact bertajuk *Bursa Top 20: Who's The Most Charitable?*.

Menurut laporan itu, Sime Darby Bhd, **Tenaga Nasional Bhd**, IOI Corp Bhd, Telekom Malaysia Bhd dan CIMB Group Holding Bhd adalah kalangan penyumbang utama pada 2022.

Laporan itu menjelaskan bahawa, maklumat tersebut berdasarkan data tersedia secara umum dan terdapat penurunan berbanding dengan jumlah derma pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM159.69 juta, mencerminkan corak pemberian korporat yang berubah-ubah.

"Nisbah purata tunai kepada untung bersih bagi kesemua 20 syarikat itu pada masa ini adalah 0.26 peratus, menunjukkan sedikit penurunan daripada purata



0.29 peratus pada 2021," tambahnya.

Laporan itu memaklumkan, Sime Darby dengan RM20 juta daripada RM1.10 bilion keuntungan bersihnya disalurkan kepada badan amal serta inisiatif sosial dan alam sekitar lain, sekali lagi membezakannya sebagai penyumbang tunai terbesar pada 1.81 peratus (pemberian tunai daripada keuntungan bersih) yang lebih tinggi daripada pemberian tunai berjumlah 1.40 peratus pada 2021.

"Selain itu, Tenaga Nasional Bhd memperoleh keuntungan bersih sebanyak RM3.46 bilion dan mendermakan kira-kira RM153.71 juta, menyumbang 4.44 peratus daripada pendapatan bersih syarikat," tambah laporan itu.

Laporan itu menjelaskan, 20 syarikat itu mengutamakan pendidikan sebagai bidang utama untuk pemberian amal, membentuk 33.6 peratus daripada

sumbangan mereka, diikuti penajaan pada 15.6 peratus dan kebajikan pada 12.5 peratus, manakala sukan menerima bahagian terendah iaitu 1.8 peratus.

Pengasas Bersama Wiki Impact, Terence Ooi berkata, 20 syarikat Bursa Malaysia teratas itu menunjukkan komitmen tinggi terhadap tanggungjawab sosial dan alam sekitar korporat, memperluas impaknya kepada pekerja, komuniti dan masyarakat secara amnya.

Beliau berkata, laporan itu menetapkan dasar dan visi syarikat lain mencontohi atau mengatasi dari segi sumbangan.

"Pelaporan berdasarkan bukti ini bukan sahaja menggambarkan pemberian korporat di Malaysia malah memberi peluang untuk menimbulkan perbualan dalam bijik lembaga pengarah mengenai keperluan syarikat membuat keuntungan untuk menyumbang dalam bentuk tunai dan barang serta telus," katanya. - Bernama